



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
11 MAC 2021 (KHAMIS)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- | | |
|--|---|
| - 1448 kes baharu , 5 kematian semalam | 5 |
|--|---|

KOSMO

- | | |
|-------------------------------|---|
| - KL benarkan Bazaar Ramadhan | 4 |
|-------------------------------|---|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
11 MAC 2021 (KHAMIS)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	1448 kes baharu , 5 kematian semalam
Muka Surat	5

1,448 kes baharu, 5 kematian semalam

Putrajaya: Sebanyak 1,448 kes COVID-19 dilaporkan semalam, dengan 10 kes dikesan mendapat jangkitan dari luar negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan kes itu menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini sebanyak 317,717 kes.

Katanya, Selangor kekal mencatatkan pertambahan kes harian tertinggi dengan 561 kes, diikuti Johor (273) dan Sarawak 199 kes.

"Sehingga kini jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 ialah sebanyak 18,010 kes dan daripada jumlah ini 151 kes sedang dirawat di Unit Ra-

watan Rapi (ICU) manakala 72 kes memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya dalam keruangan kes di negara ini.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham memaklumkan terdapat lima kes kematian baharu membabitkan pesakit berusia antara 43 hingga 72 tahun dan mempunyai pelbagai penyakit kronik menjadikan jumlah kumulatif kes sebanyak 1,191 kes.

Beliau turut memaklumkan sehingga jam 12 tengah hari pihaknya merekodkan sebanyak 2,147 kes sembuh daripada COVID-19.

Ia menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya daripada COVID-19 sebanyak

298,516 kes bersamaan 93.96 peratus daripada jumlah keseluruhan kes di negara ini.

Dr Noor Hisham berkata, lima kluster baharu dilaporkan semalam, masing-masing dua kluster di tempat kerja dan dalam kalangan komuniti, manakala satu kluster membabitkan kes import.

"Kluster yang dikesan dalam kalangan kes import ini dikenali sebagai Kluster Poma membabitkan daerah Johor Bahru.

"Kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 hari ini (semalam) hasil saringan sebelum ke luar negara yang membabitkan kru sebuah kapal kargo yang berlabuh di Pelabuhan Tan-

jung Pelepas, Johor Bahru pada 6 Mac lalu.

"Kapal kargo ini mempunyai sejarah perjalanan dari Surabaya, Indonesia dan sehingga kini kluster berkenaan sudah menjangkiti lapan individu," kata-

Mengenai kluster lain, Dr Noor Hisham berkata Kluster Sungai Puteh dikesan di Hulu Langat dan kini menjangkiti 21 kes.

"Turut dikesan ialah Kluster Dagang Permai (Hulu Langat) menjangkiti 16 kes; Kluster Parit Penyengat Darat (Muar) menjangkiti 124 kes serta Kluster Melor (Pusa, Sarawak) menjangkiti 14 kes," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
11 MAC 2021 (KHAMIS)

Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	KL benarkan Bazaar Ramadhan
Muka Surat	4

DBKL sedang buat persiapan, tentukan lokasi sesuai ikut SOP MKN

KL benarkan bazar Ramadan

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Selepas setahun ‘menyepi’, penganjuran bazar Ramadhan dan Aidilfitri di Kuala Lumpur dijangka dibenarkan beroperasi pada pertengahan April depan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa berkata, perkara itu sedang dibincangkan di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk cadangan SOP kepada Jawatankuasa Kerja Keselamatan Wilayah Persekutuan untuk dibentangkan dan dimuktamadkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Beliau berkata, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang membuat persiapan ke arah itu seperti menentukan lokasi dan mengenal pasti peniaga yang terlibat termasuk melakukan pengubahan gerai bagi memastikan ada penjarakan antara gerai.

“Secara umumnya MKN sudah mula beri kebenaran dan me-longgarkan sektor tertentu bagi



KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan akan membenarkan bazar Ramadhan dan bazar Aidilfitri beroperasi di Kuala Lumpur dengan SOP ketat. – GAMBAR HIASAN

membolehkan aktiviti ekonomi berjalan.

“Secara prinsipnya kita sedang membuat persiapan untuk membenarkan bazar Ramadhan dan Bazaria Aidilfitri, cuma

tunggu kelulusan muktamad daripada MKN terutama SOP yang dilakukan,” katanya dalam sidang akhbar selepas majlis perhimpunan bulanan Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi

di bawahnya di sini semalam.

Annuar berkata, pihak DBKL juga sedang menilai lokasi sama ada mengelakkan tapak asal di Jalan Tuanku Abdul Rahman atau mencari lokasi bersesuaian.